

**TEKS UCAPAN YBHG. DATUK FADILAH BAHARIN
KETUA PENGARAH JABATAN STANDARD MALAYSIA
BERSEMPENA
MAJLIS PERTUKARAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)
DI ANTARA
JABATAN STANDARD MALAYSIA
DENGAN
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM)
6 APRIL 2014, DEWAN SRI MERSAWA, EDC, UNIVERSITI UTARA
MALAYSIA**

Yang Berbahagia, Prof. Dato' Wira Dr. Mohamed Mustafa Bin Ishak
Naib Canselor Universiti Utara Malaysia,

Yang Berusaha, Profesor Madya Madya Dr. Shahimi Mohtar
Dekan Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik
Universiti Utara Malaysia

Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)
Universiti Utara Malaysia

Yang Berusaha, En Hussalmizzar Hussain
Pengarah Bahagian Perancangan Strategik
Jabatan Standard Malaysia

**Dekan-dekan, pegawai-pegawai kanan, pensyarah-pensyarah,
Urusetia program, para penyelidik UUM, seterusnya, hadirin**

dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Jabatan Standard Malaysia berasa amat berbangga berdiri disini dan sangat berbesar hati dengan kesudian pihak Universiti Utara Malaysia untuk Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Standards Malaysia dalam bidang pendidikan berkaitan standardisasi dan pengurusan inovasi. Terima kasih kepada UUM kerana sudi menganjurkan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) ini. Saya juga amat menghargai dan mengaluakan kehadiran para tetamu jemputan ke Majlis yang bersejarah pada pagi ini.

Y. Bhg Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

Saya melihat memorandum persefahaman ini sebagai satu kerjasama strategik ke arah membudayakan kualiti dalam kehidupan seharian. Secara tidak langsung kerjasama ini juga dilihat selaras dan menyokong Pelan Strategik Pendidikan Tinggi Negara (PSTPN) melahirkan modal insan yang memiliki minda kelas pertama untuk menghadapi cabaran pembangunan ekonomi berlandaskan ilmu pengetahuan dan inovasi serta meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Sebelum saya bercakap lebih panjang berkenaan jalinan kerjasama ini, izinkan saya menerangkan serba sedikit berkenaan Jabatan Standard Malaysia dan pendidikan berkaitan standardisasi.

Untuk pengetahuan hadirin sekalian, Standards Malaysia merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi yang ditubuhkan melalui Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549) pada 28 Ogos 1996. Berdasarkan Akta 549 ini, Standards Malaysia adalah bertanggungjawab sebagai Badan Standard dan Akreditasi Kebangsaan yang berperanan memantapkan infrastruktur standardisasi dan akreditasi kebangsaan. Fungsi utama Standards Malaysia adalah untuk membangun dan mempromosi Malaysian Standards (MS) dan menyediakan perkhidmatan akreditasi kepada badan penilaian pematuhan atau *conformity assessment bodies* (CABs). MS adalah dokumen rujukan kebangsaan yang dibangunkan secara konsensus. Akreditasi pula merupakan pengiktirafan kompetensi kepada badan penilaian pematuhan seperti badan pensijilan, makmal dan badan pemeriksa.

Y. Bhg Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya mempromosikan aktiviti standardisasi, Standards Malaysia telah memperkenalkan pendidikan berkaitan standardisasi bermula sejak tahun 2008. Usaha ini melibatkan penyertaan pelajar sekolah menengah dan kini diperluaskan kepada penyertaan dan penglibatan di institut pengajian tinggi dan tenaga kerja muda. Objektif utama penganjuran program ini adalah untuk memupuk kesedaran serta meningkatkan pemahaman di kalangan generasi muda pelapis negara tentang standard, kepentingan dan kegunaannya dalam kehidupan seharian. Program ini juga akan dapat membantu negara

melahirkan tenaga pekerja yang mahir dan mengamalkan budaya kualiti. Ini seterusnya akan menyediakan mereka untuk bersaing di peringkat domestik dan juga antarabangsa.

Untuk makluman, pada tahun ini, Standards Malaysia telah merangka beberapa program pendidikan berkaitan standardisasi. Antara program-program tersebut adalah:

- i) Program Jelajah Standard - Program ini akan bermula pada 15 April 2015 dan dijangka selesai pada bulan September 2015. Ia melibatkan 11 negeri, 132 sekolah dan 1056 pelajar sekolah menengah rendah dan menengah atas;
- ii) Olympiad Standard Kebangsaan yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada bulan Oktober 2015;
- iii) Program kesedaran standard kepada guru sekolah. Sasaran bilangan guru adalah seramai 264 orang;
- iv) Program Speak Up – sebuah projek yang diusahakan untuk tempoh setahun. Projek ini mengaplikasikan penggunaan standard dan menilai hasil dan keberkesanan menggunakan standard. Ia terbuka kepada sekolah menengah dan intitusi pengajian tinggi;
- v) Penglibatan di dalam mesyuarat antarabangsa *International Cooperation for Education about Standardisation* dan International Olympiad di Incheon, Korea;
- vi) *National Young Professional Workshop* (memfokuskan kepada golongan eksekutif yang bekerja tidak melebihi 5 tahun atau berusia di bawah 35 tahun);

- vii) Program Science4u anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; dan
- viii) Pelan tindakan dan pembangunan modul pendidikan berkaitan standardisasi khusus untuk pelajar sekolah rendah.

Melalui pelaksanaan program-program ini, Standards Malaysia dapat memperluaskan skop penyertaan dan penglibatan 2 kumpulan sasaran yang baru iaitu pelajar di peringkat pra-sekolah dan sekolah rendah

Y. Bhg Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

Berbalik kepada jalinan kerjasama di antara Standards Malaysia dan UUM ini, MoU yang dimeterai akan membina kerjasama dalam pelbagai usaha terutamanya pembangunan kursus-kursus akademik di UUM, aktiviti penyelidikan & pembangunan (R&D) dalam bidang-bidang berkaitan dan meningkatkan kebolehpasaran atau *employability* pelajar dalam pasaran kerja yang kompetitif. Ini kerana jalinan kerjasama ini menyediakan graduan yang berkelayakan dan berpengetahuan dalam bidang kualiti, melalui aktiviti perkongsian ilmu, kajian kes serta pembangunan kapasiti modal insan dalam bidang polisi standardisasi dan pengurusan inovasi.

Kerjasama dengan UUM melalui MoU ini merupakan yang pertama dengan pihak Universiti dalam usaha memperkenalkan modul pendidikan berkaitan standardisasi. Pelaksanaan MOU ini dilihat akan menjadi lebih mudah kerana UUM telah pun memperkenalkan kursus

Quality Management Systems (QMS) yang merujuk kepada MS ISO 9001, di dalam sesi pembelajaran kepada para pelajar.

Sehubungan itu, saya berharap usaha UUM untuk membangun dan memperkenalkan subjek elektif berkaitan standardisasi bagi pelajar ijazah sarjana muda dan ijazah lanjutan dalam jurusan yang berkaitan akan berjaya. Subjek elektif ini boleh disokong melalui pembangunan kapasiti modal insan merangkumi penempatan pelajar dalam bentuk latihan industri, dan program pertukaran pegawai dari UUM serta warga Standards Malaysia, pegawai atau bentuk-bentuk lain yang dipersetujui bersama.

Y. Bhg Tan Sri, Dato', Datin, tuan-tuan dan puan-puan,

Standards Malaysia sangat menyokong dan memberi penekanan terhadap usaha melahirkan modal insan berprestasi tinggi. Sehubungan itu, diharapkan melalui MoU ini, Standards Malaysia dan juga UUM akan dapat saling bantu membantu dalam menjayakan aktiviti-aktiviti yang telah dikenalpasti melalui pembelajaran dan latihan berkualiti yang berterusan, modal insan berpengetahuan, berkemahiran tinggi, kreatif, inovatif dan berdaya saing.

Saya berharap kerjasama ini akan sentiasa berterusan dan mendatangkan keuntungan bukan sahaja kepada Standards Malaysia dan UUM, tetapi turut menguntungkan pelbagai pihak yang lain terutamanya dalam meningkatkan kemajuan ekonomi negara.

Sekian, wabillahitaufik walhidayah , wasalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.